

Headline **MTIB turun unjuran eksport**  
Date **25 Sep 2011**  
MediaTitle **Harian Ekspres (KK)**  
Section **Ekonomi**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **29,826 / 97,836**

Language **Malay**  
Page No **8**  
Article Size **75 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **386**  
PRValue **1,159**



## MTIB turun unjuran eksport

KUALA LUMPUR: Kelembapan ekonomi global mempengaruhi eksport kayu dan produk kayu Malaysia sehingga menyebabkan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) menyemak turun unjurannya bagi 2011.

"Awal tahun ini, kami menjangka nilainya sebanyak RM23 bilion tetapi disebabkan oleh kelembapan ekonomi, ia turun sekarang," kata Ketua Pengarah MITB Dr Jalaludin Harun.

"Kami akan amat gembira jika boleh mencecah RM20 bilion," katanya kepada pemberita di luar seminar mengenai membina masa depan mampan melalui pembinaan kayu di sini.

Eksport kayu dan produk kayu Malaysia berjumlah RM20.52 bilion tahun lepas.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Datuk Hamzah Zainudin dalam ucapan yang dibaca oleh Jalaludin berkata eksport lebih rendah tidak akan membantu ke arah mencapai aspirasi Dasar Industri Kayu Negara (NATIP) yang menetapkan sasaran sebanyak RM53 bilion menjelang 2020.

"MTIB dan Majlis Perakayan Malaysia (MTC) perlu bekerjasama dengan industri untuk menetapkan semula strategi usaha pemasaran kami bagi menangani pelbagai cabaran yang dihadapi oleh industri," katanya.

Bagi eksport, beliau berkata industri kayu perlu memberi penekanan terhadap pasaran domestik yang mempunyai potensi besar untuk pertumbuhan.

"Kajian oleh MTIB dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) baru-baru ini menunjukkan penggunaan domestik kayu dianggarkan lebih RM20 bilion," katanya.

Daripada jumlah berkenaan, kayu gergaji menyumbang RM10.8 bilion, perabot RM4 bilion, papan lapis dan panel lain RM4 bilion, bingkai pintu/tingkap RM1 bilion, dan lain-lain RM1 bilion. - Bernama